



BAB KEDUA



**Pemodenan Dan Pembaharuan Di Dalam
Pengajian Tafsīr al-Qur'ān**

BAB KEDUA

PEMODEENAN DAN PEMBAHARUAN DI DALAM PENGAJIAN TAFSIR AL-QUR'ĀN

2.1 PENDAHULUAN

Tafsir al-Qur'ān merupakan salah satu bidang ilmu yang amat penting di dalam Islam kerana segala isi kandungan agama Islam dihuraikan secara tidak langsung oleh disiplin ini. Jika diperhatikan secara terperinci, para ulama sepanjang zaman telah melakukan pelbagai usaha untuk mentafsirkan isi kandungan al-Qur'ān.⁵⁸ Fenomena tersebut secara jelas telah menunjukkan kepentingan untuk mewujudkan kitab-kitab Tafsir al-Qur'ān semasa yang dapat menyesuaikan ajaran Islam dengan perkembangan zaman. Oleh itu, secara khususnya bab ini akan menghuraikan dua perkara penting yang menjadi isu pokok kepada kajian ini iaitu pengajian Tafsir al-Qur'ān serta pemodenan atau pembaharuan di dalamnya. Di dalam bab ini, penulis tidak berniat untuk menyenaraikan semua perkara yang berkaitan dengan pengajian Tafsir al-Qur'ān kerana semua perkara tersebut telah banyak disentuh di dalam kajian-kajian lain sebelum ini.

⁵⁸ Usaha pentafsiran al-Qur'ān dilihat berlaku secara pesat selepas kewafatan Rasulullah. Ianya dimulakan oleh para sahabat yang telah mengajarkan segala tafsiran yang telah mereka pelajari daripada Rasulullah s.a.w semasa hayat baginda. Bahkan ada segolongan daripada mereka yang giat mentafsirkan al-Qur'ān seperti Ibn 'Abbās , Ibn Mas'ūd dan sebagainya. Tradisi ini berterusan sehingga zaman-zaman seterusnya di mana hampir setiap ulama di sepanjang sejarah Islam telah menghasilkan kitab tafsir tersendiri. Di antara yang kita boleh senaraikan sebagai kitab tafsir yang terkenal ialah Tafsir al-Ṭabarī (wafat 310H) , Tafsir Ibn Kathir (wafat 774 H) , Tafsir al-Baghawī (wafat 510H) dan sebagainya.

2.2- PENGERTIAN TAFSIR

Tafsir dari segi bahasa berasal daripada perkataan *fassara* (فَسَرَ), *yufassiru* (يُفَسِّرُ), *tafsiran* (تَفْسِيرًا). Ianya berasal daripada perkataan *al-Fasr* (الفسر) yang membawa makna penjelasan dan keterangan. Makna ini diambil daripada ayat al-Qur'an dari surah al-Furqān : 33, yang bermaksud penerangan dan perincian.

وَلَا يَأْتُوكُمْ بِمَثْلِ إِلَّا جِئْنَاكُمْ بِالْحَقِّ وَأَخْسَنَ تَفْسِيرًا (٣٣)

Ertinya : Dan tidaklah kami mendatangkan kepada kamu al-Qur'an itu kecuali dengan perumpamaan serta perincian yang elok.
(al-Furqān : 33)

Manakala dari segi istilah pula, terdapat banyak makna yang telah diutarakan oleh para ulama' di bidang ini. Pada bahagian ini penulis tidak bermaksud untuk menghuraikan segala perbincangan tersebut kerana ianya sudah banyak dibincangkan sebelum ini.⁵⁹ Di antara maksud yang terpilih dan boleh dikatakan merangkumi kesemua perbincangan daripada pengertian-pengertian tersebut ialah suatu ilmu yang mengkaji tentang al-Qur'an dari segi menghuraikan dalil-dalilnya bersesuaian dengan kehendak Allah dan tahap kemampuan akal manusia⁶⁰

⁵⁹ Untuk melihat maksud tafsir secara istilah lihat Abu Ḥayyān (1983) , *Tafsīr al-Bahr al-Muhiṭ*, Bayrūt : Dār al-Fikr , Jil 1 , hal 13-14 & Ibn ‘Āsyūr (1984) , *Tafsīr al-Tahrīr wa al-Tanwīr*, Tūnis : Dār al-Tūnisiyyah li al-Nasyr , Jil 1 , hal 11.

⁶⁰ Op.cit , 'Abd al-'Azīz al-Ghubāṣī , hal 4.

2.3-JENIS-JENIS TAFSIR DAN KEPERLUANNYA DENGAN ISU PEMODEGAN DAN PEMBAHARUAN DI DALAM TAFSIR AL-QUR'ĀN.

Para ulama' Tafsir telah membahagikan Tafsir al-Qur'ān kepada dua bahagian iaitu *Tafsīr bi al-Ma'thūr* dan *Tafsīr bi al-Ra'y*. Seseorang individu yang hendak mentafsir al-Qur'ān perlu terlebih dahulu menggunakan kaedah yang pertama iaitu *Tafsīr bi al-Ma'thūr*⁶¹ kerana ianya merupakan asas dan nadi kepada pengajian Tafsir al-Qur'ān. Tanpa kaedah tersebut pentafsiran yang dilakukan boleh tersasar dari maksud sebenar penurunan al-Qur'ān. Oleh sebab itulah penulis menekankan bahawa orang-orang yang benar-benar ahli sahaja yang mampu untuk mentafsirkan al-Qur'ān kerana mereka telah mengambil kira segala keperluan pentafsiran yang sepatutnya.

Tafsīr bi al-Ra'y ialah ijтиhad yang dilakukan oleh seseorang pentafsir al-Qur'ān terhadap ayat-ayat al-Qur'ān selepas mereka memahami serta memahiri kesemua disiplin ilmu yang diperlukan oleh seseorang pentafsir al-Qur'ān.⁶² Kaedah ini membenarkan penggunaan akal fikiran sihat yang dipandu oleh ilmu yang secukupnya. Pentafsiran yang hendak dilakukan pula mestilah pada ayat-ayat yang tidak bersifat muktamad dan berkaitan dengan perkara-perkara yang telah jelas kedudukannya di dalam Islam seperti perkara yang berkaitan dengan akidah.

⁶¹ Tafsīr bi al-Ma'thūr ialah cara pentafsiran al-Qur'ān yang bersandarkan kepada riwayat yang diperolehi daripada baginda Rasulullah s.a.w , para sahabat , para tabi'in dan murid para tabi'in. Lihat , Op.cit , Dr. Yūsuf al-Qarađāwī (2000), hal 206.

⁶²Dr. Muḥammad Husayn al-Dhahabī (t.t) , *al-Tafsīr Wa al-Mufassirān*, Bayrūt : Dār al-Arqam ibn Abi al-Arqam , hal 170.

Walaubagaimanapun perlu diingat, *Tafsīr bi al-Ra'y* tidak boleh sama sekali bergantung kepada akal semata-mata kerana akal yang tidak dipandu dengan penguasaan ilmu-ilmu agama yang tinggi akan terdedah kepada kemungkinan salah dalam mentafsirkan al-Qur'ān. Pendek kata hanya orang yang benar-benar menguasai pelbagai bidang ilmu Islam sahaja yang layak dan mampu untuk menggunakan kaedah yang kedua ini. Mereka juga boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang pentafsiran yang telah mereka lakukan. Sebarang pentafsiran yang telah dilakukan akan menjadi amanah ilmiah yang akan dipersoal oleh Allah di akhirat kelak kerana besar kemungkinan sebarang pentafsiran yang telah dilakukan akan menjadi bahan ikutan masyarakat yang pada kebiasaannya bertaqlid dengan orang-orang yang lebih alim.

Perkara ini disentuh bertujuan untuk mengingatkan para pengkaji al-Qur'ān bahawa pemodenan dan pembaharuan di dalam pengajian Tafsir al-Qur'ān amat memerlukan gabungan kedua-dua kaedah tersebut. Ini kerana sebarang pengambilan dalil-dalil yang berasal dari al-Qur'ān dan al-Sunnah untuk dijadikan sumber hukum mestilah dipastikan bahawa ianya dibuat bertepatan dengan kehendak Allah. Sekiranya timbul masalah-masalah yang memerlukan penyelesaian baru di zaman ini, para pentafsir perlu berijtihad dengan menggunakan kaedah-kaedah yang dibenarkan oleh lunas-lunas ilmu Tafsir al-Qur'ān dengan penyesuaian ilmu-ilmu moden untuk mencari jawapan.

Dengan adanya gabungan daripada kedua-dua kaedah itu, matlamat pemodenan dan pembaharuan Tafsir al-Qur'ān akan bergerak selaras dengan zaman

dan kehendak Islam. Tidak akan timbul lagi tohmahan dari sesetengah pihak yang mendakwa bahawa para ulama' sekarang hanya bergantung kepada tafsiran silam yang sudah lapuk.⁶³

2.4- KELAYAKAN MENTAFSIR AL-QUR'ĀN SERTA SYARAT-SYARAT YANG PERLU DIMILIKI OLEH SESEORANG PENTAFSIR.

Proses mentafsir al-Qur'ān adalah suatu proses yang penting serta kritikal kerana ianya melibatkan pentafsiran kepada ayat-ayat suci al-Qur'ān yang menjadi sumber utama pengajaran Islam. Kebebasan yang meluas di dalam pentafsiran al-Qur'ān tanpa dibatasi dengan batasan ilmu dan akhlak akan memporak perandakan agama Islam. Oleh sebab itu, para ulama' di bidang ilmu ini telah menggariskan beberapa perkara utama yang perlu dipenuhi oleh seseorang yang hendak menjalankan kegiatan pentafsiran al-Qur'ān. Syarat-syarat tersebut bagaikan penjaga serta sempadan yang akan bertugas membatasi seseorang itu daripada melangkah jauh atau menyeleweng daripada ajaran al-Qur'ān sebagaimana yang benar-benar dikehendaki oleh Allah kepada hamba-hambaNya.

Walaupun begitu, semenjak akhir-akhir ini telah muncul beberapa golongan intelektual tempatan yang mempertikaikan sikap ketelitian ini dengan menyatakan

⁶³ Pada satu segi , tafsiran yang telah dibuat oleh ulama' silam juga amat penting kerana kemampuan mereka memahami al-Qur'ān lebih mendalam daripada para ulama zaman moden yang mana kebanyakannya disiplin ilmu-ilmu telah tercerai berai. Kita tidak boleh secara total menolak dan mengatakan tafsiran mereka sudah lapuk dan tidak bersesuaian dengan zaman ini , bahkan banyak juga tafsiran lama yang masih segar dan boleh digunakan sehingga ke hari ini. Menurut Imam Muhammad 'Abduh , hanya sebahagian kecil ayat-ayat al-Qur'ān sahaja yang perlu ditafsirkan semula bersesuaian dengan kehendak zaman. Lihat Op.cit , Muhammad Rasyid Ridā , *al-Tafsīr al-Manār* , hal 12.

pendapat bahawa pentafsiran mengenai al-Qur'an dan agama tidak sepatutnya dimonopoli sepenuhnya oleh para ulama' atau ilmuwan agama sahaja. Mereka berpendapat semua orang patut diberikan hak yang sama untuk mentafsirkan al-Qur'an dan agama. Perkara ini boleh dirujuk kepada satu artikel yang telah ditulis oleh Dr. Chandra Muzaffar di dalam akhbar The New Straits Times yang berbunyi :

*When a group insists that it has the exclusive right to interpret religion and in the ultimate analysis to shape the moral basis of society, it excludes everyone else from participating in the process of determining the destiny of a people. Such hegemonic thinking must lead inevitably to religious authoritarianism and even religious dictatorship.*⁶⁴

Perkara yang lebih buruk telah berlaku apabila kesucian peribadi nabi sendiri telah dipertikaikan dengan beberapa artikel yang ditulis oleh seorang penulis Islam.⁶⁵ Semua pendapat ini sebenarnya merupakan cedokan atau bahan tiruan yang telah dipengaruhi oleh fahaman Orientalis.⁶⁶ Bahkan mereka telah menggunakan berbagai-bagi cara untuk menerapkan fahaman mereka kepada orang-orang Islam yang pernah menuntut di Barat dengan harapan agar kekeliruan terhadap agama ini lahir

⁶⁴ Chandra Muzaffar , All have a right to discuss Islam , *The New Straits Times* , 21 Februari 2002.

⁶⁵ Artikel itu antara lainnya telah mengaitkan tindakan nabi yang melakukan hubungan seks dengan seorang gundik bernama Rayhana yang sehingga akhir hidupnya tidak memeluk Islam. Di antara petikan daripada artikel tersebut ialah : *The fact that the prophet had several wives and was known to have had sexual relation with 15 women, which included the concubine Rayhana who remained nonmuslim all her life is proof of the humanity of the prophet.* Lihat , Farish A.Nor , Let Islam Lead The Way With Its Progressive View On Sexuality , *New Straits Times* , 4 November 2000. Manakala di dalam suatu artikel lagi beliau telah mengaitkan kepimpinan nabi s.a.w yang lebih bersifat sebagai pemimpin kabilah bukan utusan Allah sebagaimana yang dipegangi oleh umat Islam. Di antara petikan daripada artikel tersebut ialah : *The prophet himself, in his specific historical context was a tribal leader, and so the early oath of allegiance given to him were given as a tribal rather than just a religious leader.* Lihat , Farish A.Noor , The Myth Surrounding the Islamic State , *New Straits Times* , 1 Disember 2001. Lanjutan perbincangan mengenai perkara ini boleh juga dirujuk di dalam bab ketiga kajian ini.

⁶⁶Dr. Rahimin Affandi Abdul Rahim (2002) , *Isu dan Pengaruh Orientalisme di Malaysia : Satu Analisa* , dalam Seminar Islam & Orientalisme anjuran Persatuan Ulama Malaysia pada 20-21 Julai 2002 di Dynasty Hotel , Kuala Lumpur , hal 10-18.

daripada golongan intelektual beragama Islam sendiri.⁶⁷ Sebagai suatu reaksi tindak balas kepada semua tuduhan tersebut Persatuan Ulama' Malaysia dan Persatuan Ulama' Kedah telah mengeluarkan satu buku bagi menjawab segala tohmahan tersebut.⁶⁸

Sebagai seorang penuntut di bidang Tafsir al-Qur'an, penulis berpendapat kebenaran untuk mentafsirkan al-Qur'an hanya boleh diberikan kepada ahli-ahlinya sahaja. Kebebasan yang melampau di dalam pentafsiran al-Qur'an dan agama tanpa batasan-batasan yang khusus hanya akan memporak perandakan lagi masyarakat. Sepatutnya umat Islam berhati-hati dan senantiasa peka terhadap suatu peringatan Allah berkaitan perkara ini. FirmanNya :

وَلَا تَنْقُفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْقُوَادُ كُلُّ أُولَئِكَ
كَانَ عَنْهُ مَسْتُوْلًا (٣٦)

Ertinya : *Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati ; semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya.*⁶⁹

(*al-Isrā'* : 36)

⁶⁷ Darus Senawi (Institut Ibnu Khaldun) (2002) , *Gerakan Orientalis : Motif , Objektif dan Metodolgi Dalam Pengajian Islam* , dalam Seminar Islam & Orientalisme anjuran Persatuan Ulama Malaysia pada 20-21 Julai 2002 di Dynasty Hotel , Kuala Lumpur , hal 10.

⁶⁸ Persatuan Ulama Malaysia dan Persatuan Ulama Kedah (2002) , *Kontroversi Mengenai Memo Kepada Majlis Raja-raja Melayu , Islam Dicabar Rasulullah s.a.w dan Ulama Dihina* , PulauPinang : Jutaprint , hal 6-20.

⁶⁹ Larangan Allah ini adalah menjadi undang-undang yang meliputi segala soal dalam alam kehidupan ini. Kita tidak boleh memperkatakan atau melakukan sesuatu yang kita tidak mengetahuinya kerana semua anggota badan kita akan disoal siasat oleh Allah di akhirat kelak. Lihat , Syeikh Abdullah Basmeih (1992) , *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an* , Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri , cetakan kelima , hal 685.

Secara logiknya, ilmu Tafsir al-Qur'ān boleh disamakan dengan sebarang disiplin lain yang mempunyai lunas-lunas dan aturannya tersendiri yang tidak sepatautnya diserahkan kecuali kepada ahlinya sahaja. Sekiranya di bidang perubatan kita meletakkan kelayakan untuk menentukan kaedah rawatan serta preskripsi ubatan hanya kepada ahlinya sahaja bagi mengelakkan sebarang tragedy,⁷⁰ maka ilmu Tafsir al-Qur'ān adalah lebih utama untuk dijaga kerana sebarang tafsiran yang silap dan tidak menepati kehendak Allah akan membawakan tragedi kehancuran di dunia dan akhirat.

Sebagaimana yang telah dijelaskan, penetapan segala syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh para pentafsir al-Qur'ān adalah untuk memastikan kegiatan pemodenan dan pembaharuan di dalam pengajian Tafsir al-Qur'ān akan bergerak selari dengan kehendak Allah s.w.t. Syarat-syarat yang perlu dipenuhi oleh para pentafsir itu melibatkan **dua perkara** yang utama iaitu :

2.4.1- Sifat kerohanian yang berkaitan dengan niat serta keikhlasan.

Seseorang yang hendak mentafsirkan al-Qur'ān perlu bebas daripada sebarang pengaruh dan kepentingan peribadi.⁷¹ Kesucian niat menjadi begitu penting bagi realiti dunia hari ini yang mempunyai begitu banyak aliran agama yang berorientasikan dengan fahaman dakwah, politik dan sebagainya. Kebiasaan para pengikut yang fanatik kepada puak masing-masing akan

⁷⁰ Op.cit , Persatuan Ulama Malaysia dan Persatuan Ulama Kedah , hal 11.

⁷¹ Perkara ini ditekankan kerana sepanjang sejarah Islam , banyak sekali tafsiran al-Qur'ān telah dipersetujui mengikut kesesuaian nafsu dan fahaman puak tertentu. Lihat Op.cit , Dr Yusuf al-Qarađawī (2000), hal 316-317

cuba mentafsirkan al-Qur'ān mengikut kesesuaian fahaman puak mereka. Oleh itu, perlu diingat sebarang pentafsiran yang hendak dibuat mestilah diasaskan di atas nilai-nilai agama serta ilmu akademik yang tinggi dan bukannya dipengaruhi oleh fahaman sempit mana-mana pihak yang berkepentingan.

2.4.2- Memiliki ilmu-ilmu alat yang tertentu bagi memahami isi kandungan al-Qur'ān dengan mendalam. Ilmu-ilmu tersebut terdiri daripada beberapa bidang ilmu seperti Bahasa 'Arab, Usuluddin, Fiqh, Sejarah dan al-Qaṣaṣ, Ḥadīth, 'Ulūm al-Qur'ān dan sebagainya. Segala ilmu-ilmu yang disenaraikan di atas adalah di antara ilmu-ilmu alat yang diperlukan untuk memahami al-Qur'ān secara mendalam.⁷² Selain daripada ilmu-ilmu tersebut penguasaan **ilmu-ilmu moden** juga penting bagi menyesuaikan sebarang tafsiran yang dibuat dengan realiti zaman moden.

Oleh yang demikian, ilmu yang tinggi sahaja tidak cukup untuk menghasilkan sesuatu Tafsir al-Qur'ān yang baik jika tidak disertai dengan akhlak yang mulia. Kedua-dua syarat ini telah digariskan oleh para ulama' bagi menjamin kesucian Tafsir al-Qur'ān yang akan dihasilkan oleh seseorang pentafsir.

Walaubagaimanapun, segala syarat yang telah dikemukakan itu seolah-olah mustahil untuk dicapai oleh seseorang individu. Sebagai suatu penyelesaian kepada

⁷² Op.cit , Dr Muhammad Husayn al-Dhahabi, hal 167.

masalah ini kita boleh menggunakan konsep *tajdīd juz'i*⁷³ dengan cara pemilihan panel pentafsir al-Qur'an yang terdiri daripada para pakar daripada berbagai-bagai bidang ilmu.⁷⁴ Di dalam soal ini, kesemua pakar di dalam bidang-bidang ilmu yang terbabit perlu bekerjasama untuk melengkapi di antara satu sama lain dengan dipandu oleh pakar di dalam bidang Tafsir al-Qur'an. Dengan penyeliaan yang rapi, matlamat pemodenan dan pembaharuan pengajian Tafsir al-Qur'an akan terlepas dari sebarang penyelewengan yang berasaskan kepada nafsu.

2.5- PEMODENAN DAN PEMBAHARUAN DI DALAM PENGAJIAN TAFSIR AL-QUR'ĀN.

Al-Qur'an adalah kitab yang sempurna dan senantiasa berinteraksi dengan manusia tanpa mengira batasan usia, bangsa dan zaman.⁷⁵ Al-Qur'an juga petunjuk yang membimbing kehidupan manusia sepanjang zaman sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Allah melalui firmanNya di dalam surah al-Baqarah ayat 2:

ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ (٢)

Ertinya : Itulah kitab yang tiada keraguan padanya , menjadi petunjuk kepada orang-orang yang bertakwa.

Melihat kepada kenyataan ini maka sudah semestinya perlu ada suatu usaha untuk menghuraikan al-Qur'an secara terperinci agar fungsinya dapat dimanfaati

⁷³ Maklumat lanjut mengenai pembahagian ini boleh dilihat pada perbincangan tentang ijtihad di muka surat 44.

⁷⁴ Op.cit , Dr. M. Quraish Shihab , hal 204.

⁷⁵ Op.cit , Dr. Yūsuf al-Qaradāwī (2000) , hal 63-65

oleh semua manusia. Usaha untuk penyesuaian ini bolehlah dianggap sebagai suatu cara untuk mengadaptasikan isi kandungan al-Qur'ān atau mentafsirkannya bersesuaian dengan setiap zaman, tempat serta masyarakat yang berbeza.

Sebenarnya pentafsiran al-Qur'ān memang berjalan secara konsisten sepanjang zaman. Namun ia kelihatan terhenti seketika dalam zaman kebekuan ijtihad atau zaman taqlid pada sekitar abad kesebelas Hijrah. Kemunculan semula karya Tafsir al-Qur'ān yang besar dan terkenal berikutnya hanyalah pada tahun 1270 Hijrah, iaitu dengan munculnya *Tafsīr al-Alūsī*, diikuti *al-Manār* dan *Fī Zilāl Al-Qur'ān*. Ini telah menunjukkan penghasilan karya Tafsir al-Qur'ān yang dihasilkan di zaman mutakhir ini masih tidak memadai untuk memenuhi keperluan umat Islam terhadap hidangan ilmiah yang bersesuaian dengan zaman mereka.

Di dalam membicarakan isu pemodenan dan pembaharuan di dalam pengajian Tafsir al-Qur'ān, istilah yang terbaik yang boleh digunakan untuk menjelaskan keperluan ini ialah Ijtihād dan Tajdīd. Kedua-dua elemen ini amat penting bagi mengeluarkan umat Islam daripada tempurung kemunduran yang telah sekian lama melitupi mereka. Gabungan Ijtihād dan Tajdīd memang berkait rapat dengan kaedah *Tafsīr bi al-Ra'y* yang telah dijelaskan pada muka surat 34 terdahulu. Ulasan berkaitan dengan kedua-dua perkara tersebut adalah seperti berikut :

2.5.1- Ijtihād

Ijtihād bermaksud curahan tenaga daripada seorang faqih yang mengkaji dalil-dalil untuk mengeluarkan hukum-hukum syara' bagi masalah furū'.⁷⁶ Sebenarnya ijtihad bukanlah suatu perkara yang asing di dalam Islam kerana Rasulullah s.a.w. sendiri telah beberapa kali berijtihad⁷⁷ dan menggalakkan aktiviti ijtihad dijalankan bagi menyelesaikan persoalan serta masalah baru yang belum ada jawapan yang langsung dari baginda mahupun al-Qur'ān. Contoh kebenaran berijtihad yang dapat diperhatikan ialah tentang peristiwa perang Dhāt al-Salāsil apabila 'Amrū ibn al-'Āṣ telah berijtihad kepada para sahabat agar bertayammum kerana cuaca yang amat sejuk.⁷⁸ Selain itu, galakan untuk berijtihad itu juga dapat kita perhatikan berdasarkan satu riwayat dari Rasulullah s.a.w. menyebut:

عن عمرو بن العاص أنه سمع رسول الله ﷺ يقول : اذا حكم الحاكم فاجتهد ثم أصاب فله
أجران ، وإذا حكم فاجتهد ثم أخطأ فله أجر

Ertinya : Dari 'Amrū ibn al-'Āṣ bahwasanya beliau telah mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: Apabila seorang

⁷⁶ Dr Kassim Salleh (1989), *Ijtihad : Sejarah dan Perkembangannya* , al-Rahmaniah : Badan Dakwah dan Kebajikan Islam Malaysia , cetakan pertama , hal-147.

⁷⁷ Menurut para ulama' , ijtihad yang dijalankan oleh baginda meliputi beberapa perkara seperti ijtihad di dalam doa , harapan , pengakuan , sangkaan dan sebagainya. Contoh ijtihad yang melibatkan doa ialah mengenai kisah bagaimana Rasulullah berdoa agar Allah melaknatinya beberapa orang kafir Quraisy apabila pihak tentera Islam mengalami kekalahan di dalam peperangan Uhud. Lihat Ibn Ḥajar al-'Asqalāni (1997), *Fatḥ al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb al-Maghāzi / Peperangan (64) , Bab ayat 128 surah Ali 'Imran (21) , hadith no 4069 , al-Urdūn : Maktabah Dār al-Fahyā' , cet. pertama , Jil 7 , hal 456-457. Walaubagaimanapun perbuatan nabi itu ditegur oleh Allah dengan ayat 128 surah Ali 'Imrān tersebut. Manakala contoh ijtihad harapan pulak ialah mengenai kisah baginda yang mengharap agar qiblat umat Islam ditukarkan ke Masjidil Haram sebagaimana yang disebut di dalam ayat 144 surah al-Baqarah. Lihat , 'Abd al-Jaflī 'Isā , *Ijtihād al-Rasūl* , Miṣr : Wizārah al-Awqaf , hal 94-95 & 66-67.

⁷⁸ Op.cit , Ibn Ḥajar , Kitāb al-Tayammum (7) , Bāb Idhā Khāf al-Junūb 'Alā Nafsih al-Marad Aw al-Mawt / Bab apabila orang yang berjunub takutkan dirinya daripada jatuh sakit atau mati(7) , jil 1 hal 588-589.

*pemerintah menghukum lalu dia berijtihad, kemudian ijtihadnya itu bertepatan (dengan yang benar), maka dia beroleh dua pahala. Dan apabila dia berijtihad tetapi tersilap, maka dia beroleh satu pahala.*⁷⁹

Janji satu pahala bagi yang tersilap di dalam Ijtihād menunjukkan satu galakan supaya umat Islam berijtihad dalam persoalan-persoalan baru termasuk Tafsir al-Qur'ān, jika ia dilakukan dengan Ijtihād yang disertai dengan persediaan ilmu dan kesungguhan mengkaji. Walaupun begitu, kemampuan untuk berijtihad memerlukan berbagai-bagai kemahiran berkaitan dengan disiplin ilmu-ilmu Islam sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini.

Segala syarat yang telah digariskan oleh para ulama' Tafsir al-Qur'ān seolah-olah telah menakutkan umat Islam ke arah percubaan untuk melakukan Ijtihād kerana amat sukar untuk mencari orang yang benar-benar layak untuk tugas tersebut. Walaupun begitu perlu diketahui bahawa Ijtihād sebenarnya terbahagi kepada dua jenis iaitu Ijtihād yang menyeluruh (*kullī*) dan pada beberapa bahagian tertentu (*juz'ī*).⁸⁰ Ijtihād menyeluruh itu memerlukan seseorang ulama' memahiri kesemua disiplin yang berkaitan dengan Islam, atau dengan lain katanya ianya dikhatususkan untuk seorang mujtahid mutlak sahaja.⁸¹

⁷⁹ Ibid , Kitāb al-I'tiṣām bi al-Kitāb wa al-Sunnah / Kitab tentang berpegang dengan al-Kitab dan Sunnah (96) , Bāb Ajr al-Ḥākim Idhā Ijtihad Fa Aṣab Aw Akhta' / Bab Ganjaran untuk seorang hakim yang berijtihad lalu bertepatan atau tersilap (21), hadith no 7352 , Jil 13 – hal 389. Lihat juga Muslim ibn al-Hajjāj (1995) *Ṣaḥīḥ Muslim Bi Syarḥ al-Nawawī* , Kitāb al-Aqdiyah , Bāb Ajr al-Ḥākim Idhā Ijtihad Fa Aṣab Aw Akhta' / Bab Ganjaran untuk seorang hakim yang berijtihad lalu bertepatan atau tersilap , Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabi , cet. keempat , Jil 12 , hal 13.

⁸⁰ Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī (1995) , *Min Ajl Ṣaḥwah Rāsyīdah , Tajdīd al-Dīn wa Tanḥad bi al-Dunyā* , Maṇṣūrah : Dār al-Wafā' , hal 41.

⁸¹ Mujtahid mutlak merupakan tahap yang tertinggi di dalam peringkat ijtihad. Ianya merujuk kepada seorang faqih yang mempunyai daya secukupnya di dalam fiqh. Dia juga mampu untuk mengadakan

Manakala Ijtihād pada sesetengah bahagian agama sahaja (*juz' i*) dikhususkan kepada sesuatu bidang kecil dari agama seperti bidang ekonomi dan sebagainya. Oleh itu, seorang ulama' yang pakar di dalam bidang ekonomi boleh berijtihad di dalam bidang tersebut.⁸² Dalam konteks zaman moden pula, keperluan untuk melakukan Ijtihād yang baru bertambah penting kerana keadaan hidup manusia senantiasa berubah dan berkembang. Sifat agama Islam yang fleksibel serta senantiasa terbuka kepada bentuk-bentuk Ijtihād yang baru juga boleh menjadi bukti kesesuaian syariat Islam dengan kehidupan manusia sepanjang zaman.⁸³

Pentafsiran al-Qur'ān pada zaman ini tidak boleh hanya dihadkan kepada pentafsiran agama sahaja kerana masalah-masalah baru yang muncul di dunia yang serba moden ini memerlukan penglibatan pakar-pakar dari bidang yang berlainan seperti, genetik, perubatan, astronomi, perindustrian dan sebagainya.⁸⁴ Bahkan pakar-pakar di bidang ilmu yang lain juga amat mengharapkan sumbangan daripada para ulama' Islam untuk disesuaikan dengan pendekatan ilmu-ilmu moden.⁸⁵

usul-usul dan kaedah fiqh yang tersendiri, memahami kitab Allah , sanggup berijtihad dalam semua bidang dan mengeluarkan hukum melalui nas , qiyas masalah , istihsan dan sebagainya. Lihat Op.cit , Dr Kassim Salleh , hal 310.

⁸² Op.cit , Dr. Yūsuf al- Qaraḍāwī (1995), hal 41.

⁸³ Dr. Yūsuf al-Qaraḍāwī (1985) , *al-Ijtihād Fi al-Syari'at al-Islāmiyyah* , Kuwayt : Dār al-Qalam , cet. pertama , hal 101-102.

⁸⁴ Dr. Mahathir Mohamad , *Going Back to The Qur'an* , ucapan yang diberikan dalam majlis pembukaan Seminar Antarabangsa al-Qur'ān kali ke 4 yang di adakan di Kuala Lumpur pada 2 Februari 1994. Lihat dalam Hashim Makaruddin (pngr) (2000) , *Islam and The Muslim Ummah selected speeches by Prime Minister of Malaysia* , Putrajaya : Pejabat Perdana Menteri Malaysia , cetakan 2000 , Jil 2 , hal 162.

⁸⁵ Mohd Rosydi Muhammad (2003) , *Using Information and Communication Technology (ICT) To Disseminate The Understanding Of Islamic Jurisprudence) Fiqh And Juridical Opinion (Fatwa) : A View Of A Technologist* , dalam Seminar Memahami Agama Islam Melalui Tekno Daie anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia , 25-26 Februari 2003 di Dewan Besar IKIM , hal 24.

dan sebagainya. Manakala dalam bidang Qiraat pula ialah Ibn Kathir dan dalam bidang hadith ialah al-Zuhri. Golongan ini cenderung mengatakan Tajdīd itu melibatkan ramai tokoh daripada berbagai-bagai disiplin ilmu dan kemunculan mereka tercatit di dalam sejarah Islam.⁸⁹

Di dalam menilai perselisihan ini , Dr. Yusuf al-Qarađawī telah menyokong pendapat kedua yang mengatakan Tajdīd memerlukan penglibatan ramai individu yang akan saling lengkap melengkapi di antara satu sama lain. Tajdīd perlu dilakukan dengan menyeluruh dan merangkumi semua bidang ilmu-ilmu Islam yang diperlukan oleh umat Islam.⁹⁰ Bahkan nabi Musa a.s sendiri telah memohon agar beliau disokong oleh saudaranya Harun a.s di dalam misi dakwahnya terhadap Fir'awn :

وَاجْعُلْ لِي وَزِيرًا مِنْ أَهْلِي (٢٩) هَارُونَ أخِي (٣٠) اشْدُدْ بِهِ أَرْزِي (٣١)
وَأَشْرِكْهُ فِي أَمْرِي (٣٢)

Ertinya : *Dan jadikanlah bagiku seorang pembantu daripada keluargaku , iaitu Harun saudaraku ,Teguhkanlah dengan dia kekuatanku , dan jadikanlah dia sekutu dalam urusanku.*

(Taha : 29-32)

Dan firman Allah :

قَالَ سَنَشِدُ عَضْدَكَ بِأَخِيكَ وَنَجْعَلُ لَكُمَا سُلْطَانًا فَلَا يَصِلُونَ
إِلَيْكُمَا بِأَيَّاتِنَا أَنْتُمَا وَمَنْ اتَّبَعَكُمَا الْغَالِبُونَ (٣٥)

Ertinya : *Allah berfirman : Kami akan membantumu dengan saudaramu, dan Kami berikan kepadamu berdua kekuasaan yang besar , maka mereka tidak dapat mencapaimu.*

(al-Qaṣāṣ : 35)

⁸⁹ Ibid , hal 18 - 19.

⁹⁰ Ibid , hal 19 - 21.

Kemunculan tokoh yang akan melakukan Tajdid pada setiap zaman bukanlah secara tiba-tiba dan penuh dengan keajaiban, tetapi ianya berlaku bersesuaian dengankehendak masyarakat umat Islam pada masa itu. Oleh itu, di dalam menangani isu Tajdīd, kita tidak sepatutnya bertanya siapakah tokoh mujaddid kurun ini dan bilakah tarikh kemunculannya ? Sebaliknya sebagai seorang muslim yang progressif dan berpandangan jauh, kita akan bertanya apakah peranan yang perlu dimainkan oleh kita untuk proses Tajdīd di abad ini dan bagaimana tanggungjawab kita di dalam menjayakannya.⁹¹

Sekiranya kesedaran ini dimiliki oleh semua muslim, penulis percaya kegemilangan tamadun Islam silam akan dapat dilihat semula. Faktor ini jugalah yang mendorong penulis untuk mencadangkan pembinaan pengkalan data Tafsir al-Qur'ān yang akan disentuh secara mendalam pada bab yang keempat nanti.

2.6- GAGASAN PENTAFSIRAN SEMULA AL-QUR'ĀN

Bertitik tolak daripada isu Ijtihād dan Tajdīd inilah, kita mendapati banyak sekali pemikir moden mengesyorkan supaya al-Qur'ān ditafsirkan semula agar dapat disesuaikan dengan keadaan masyarakat umat Islam yang senantiasa berkembang. Keperluan kepada pentafsiran semula ini adalah bagi memenuhi serta menjawab berbagai-bagai permasalahan baru yang timbul di zaman ini. Pada masa yang sama fungsi al-Qur'ān sebagai pemandu manusia yang sentiasa berdialog dengan manusia

⁹¹ Ibid , hal 22.

sepanjang zaman juga akan terserlah. Proses pentafsiran semula al-Qur'an merupakan sunnah Allah atau tuntutan zaman yang akan senantiasa berlaku sehingga hari kiamat. Perkembangan gagasan pentafsiran semula al-Qur'an ini sebenarnya telah mempunyai asas atau tapaknya yang tersendiri. Di antara asas-asas yang dikesan telah mempengaruhi perkembangan idea terbabit ialah :

2.6.1-Gagasan Islamisasi ilmu

Gagasan untuk mengislamkan ilmu pengetahuan tercetus berikutan kesedaran untuk mengeluarkan umat Islam daripada kemunduran. Masalah tersebut telah membekukan pemikiran umat Islam serta menjadikan mereka pasif dan ketinggalan ke belakang. Penguasaan teknologi serta ilmu pengetahuan banyak dipelopori oleh pihak Barat dan sesetengah umat Islam tidak berminat untuk menerima segala ilmu tersebut kerana ianya telah disadur dengan acuan Barat yang banyak bertentangan dengan prinsip Islam.⁹²

Di dalam menangani kemelut ini para ilmuwan Islam telah menjalankan berbagai-bagai usaha untuk mengenalpasti masalah dan penyelesaian terhadap

⁹² Di antara pertentangan ini ialah pemisahan di antara falsafah dan sains daripada agama. Agama hanya dikaitkan dengan sesuatu yang seni dan tidak mampu untuk memberikan keyakinan dan ketenangan. Lihat Syed Muhammad Naguib al-Attas (1999) , *Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu* , Kuala Lumpur : ABIM , hal 35. Di antara akibat lain daripada pemisahan tersebut ialah keutamaan untuk mengejar keuntungan yang telah menghakis sistem nilai dan peranan sebenar ilmu pengetahuan. Pemisahan itu juga telah melahirkan individu-individu yang hanya mementingkan keuntungan sehingga sanggup memusnahkan alam sekitar dan menindas golongan yang lebih lemah. Manakala Islam pula telah mengajar semua kemajuan dan pembangunan yang dikehjarnya mestilah bertujuan untuk mencari keredhaan Allah serta memberi kesejahteraan hidup kepada manusia dan alam sekitar.

penyakit kemunduran tersebut.⁹³ Berbagai-bagai seminar telah diadakan⁹⁴ dan hasilnya para ilmuwan Islam telah mengenal pasti satu perkara yang perlu dilakukan bagi menangani masalah tersebut iaitu proses pengislaman ilmu pengetahuan.⁹⁵ Proses tersebut merujuk kepada usaha-usaha yang sepatutnya dilakukan bagi memurni serta mengislamkan semua ilmu pengetahuan moden dengan acuan Islam.

Prinsip yang sama telah diterap masuk ke dalam pengajian Tafsir al-Qur'an dengan tujuan untuk menyesuaikan tafsiran al-Qur'an dengan zaman moden dan menunjukkan perinteraksian al-Qur'an dengan perubahan zaman. Perinteraksian itu sudah pasti akan melibatkan penggunaan berbagai-bagai ilmu moden yang telah dimurnikan dengan neraca Islam. Oleh sebab itulah, kita dapati beberapa sarjana Islam moden mengambil pendekatan integrasi di antara ilmu-ilmu moden di dalam pentafsiran al-Qur'an. Bahkan segala ilmu-ilmu moden tersebut berjaya mengukuhkan lagi kebenaran ayat al-Qur'an. Di antara tokoh-tokoh terkini yang

⁹³ Di antara usaha tersebut ialah penubuhan Association Of Muslim Social Scientists pada tahun 1972 dan International Institute of Islamic Thought. Lihat , Dr Abdul Hamid Abu Sulayman (1989) , *Islamization of Knowledge General Principles and Work Plan* , Virginia , U.S.A : International Institute of Islamic Thought Herndon , cet. kedua , hal xii-xiii.

⁹⁴ Seminar anjuran Association Of Muslim Social Scientists di Eropah pada tahun 1977 dan Seminar Pengislaman Ilmu Pengetahuan di Islamabad Pakistan pada tahun 1982. Lihat , *Ibid* , hal xii & xiv.

⁹⁵ Selepas seminar pada tahun 1982 di Pakistan , pihak IIIT telah menerbitkan buku *Islamization of Knowledge General Principles and Work Plan* yang menjadi panduan ke arah proses Islamisasi ilmu. Lihat , *Ibid* , hal xiv.

banyak menjalankan usaha integrasi sains moden dengan al-Qur'an ini ialah Harun Yahya,⁹⁶ Dr. Maurice Bucaille⁹⁷ dan beberapa tokoh Tafsir al-Qur'an di alam Melayu.⁹⁸

2.6.2 Pengaruh Gelombang Kebangkitan Islam di Seluruh Dunia.

Pengaruh kebangkitan Islam yang bertapak di Malaysia sebenarnya berasal dari Timur Tengah dan Barat. Pada awal kurun ke 20, gelombang kebangkitan Islam yang datang daripada Timur Tengah telah bertiup ke seluruh dunia. Malaysia yang mempunyai ramai penuntut di rantau tersebut, turut sama menerima kesan kebangkitan ini. Pengaruh-pengaruh pemodenan dan pembaharuan di dalam pemahaman agama seperti gagasan Islah serta Tajdid yang menyentuh secara tidak langsung tentang pentafsiran al-Qur'an mulai menyerap masuk ke Tanah Melayu,⁹⁹ begitu juga dengan kesedaran masyarakat untuk membebaskan diri daripada cengkaman pihak penjajah.¹⁰⁰ Proses ini bertambah rancak dengan penubuhan pusat-

⁹⁶ Beliau banyak menghasilkan buku-buku yang menghuraikan kebenaran teori yang terkandung di dalam al-Qur'an. Di antara buku-bukunya yang menggunakan pendekatan tersebut ialah Miracles of the Qur'an , Design in Nature , The Miracle in the Spider , The Miracle of the Immune System , The Miracle in the Ant , The Miracle in the Atom , Allah's Artistry in Colour dan Deep Thinking. Untuk maklumat lanjut sila lawati laman web rasmi penulis terbabit di <http://www.harunyahya.com> (19 Januari 2004) dan <http://store.talkislam.com/books-worship-and-spirituality-books-by-harun-yahya.html> (19 Januari 2004).

⁹⁷ Beliau ialah seorang saintis dari Perancis yang telah melakukan kajian di antara ilmu Sains moden dengan teks al-Qur'an. Walaupun penulis tidak dapat memastikan status agamanya , penulis mendapati buku-bukunya seperti The Bible The Qur'an and Science &The Qur'an and Modern Science mempunyai banyak signifikan pemodenan dan pembaharuan di dalam Tafsir al-Qur'an.

⁹⁸ Huraian mengenai penglibatan para tokoh Tafsir alam Melayu akan dapat dilihat pada bab ketiga kajian ini.

⁹⁹ Mohd Sarim Hj Mustajab (1982) , *Gerakan Islah Islamiyyah Di Tanah Melayu 1906 Hingga 1948* , dalam Malaysia : Sejarah dan Proses Pembangunan , Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia , cet. ketiga , hal 149-150.

¹⁰⁰ Sejarah telah membuktikan bagaimana para pejuang tempatan telah bangkit menentang penjajahan Inggeris. Kebanyakan daripada mereka adalah para ulama dan tokoh agama setempat seperti Tok

pusat pengajian Islam¹⁰¹ dan penerbitan beberapa majalah yang menawarkan idea berasaskan Tajdid agama.¹⁰² Zaman ini juga mempamerkan pertentangan yang hebat di antara golongan reformis tempatan yang lebih dikenali sebagai kaum muda dengan golongan ulama' tradisional yang dikenali sebagai kaum tua.¹⁰³

Pada zaman berikutnya, arah penumpuan intelektual alam Melayu telah bertukar ke Barat. Perkara ini terbukti dengan kunjungan para sarjana Islam dari alam Melayu khususnya Malaysia ke Barat untuk menyambung pengajian dan menimba sebanyak mungkin kaedah dan metodologi saintifik dari Barat. Segala ilmu pengetahuan yang mereka perolehi itu telah diterapkan ke dalam pengajian Islam.¹⁰⁴ Bahkan mereka yang telah mendapat pendidikan daripada kedua-dua pusat pengajian itu (Timur Tengah dan Barat) kebanyakannya pulang dan bertugas sebagai tenaga pengajar di kebanyakan universiti-universiti tempatan.¹⁰⁵

Janggut di Kelantan dan Haji Abdul Rahman Limbong di Terengganu. Lihat Abdullah Zakaria bin Ghazali , *Kebangkitan-kebangkitan Anti British Di Semenanjung Tanah Melayu* , dalam Malaysia : Sejarah dan Proses Pembangunan , Kuala Lumpur : Persatuan Sejarah Malaysia , cet. ketiga , hal 101.

¹⁰¹ Penubuhan sekolah-sekolah agama di awal kurun ke 20 seperti Maahad II Ihya Assharif , Gunung Semanggol Perak , Madrasah Diniah Kampong Lalang Padang Rengas Perak dan Madrasah al-Mashhor Pulau Pinang telah memainkan peranan yang besar di dalam menyuburkan pemikiran Islam di kalangan orang Melayu. Kebanyakkan para guru dan pengasas sekolah-sekolah tersebut adalah anak tempatan yang berpendidikan daripada Timur Tengah dan terpengaruh dengan idea-idea baru berkaitan kebangkitan Islam seperti Islah dan Tajdid. Lihat Op.cit , Mohd Sarim Mustajab , hal 164-170.

¹⁰² Majalah-majalah dan akhbar-akhbar seperti al-Imam dan Pengasoh. Lihat Op.cit , Mohammad Redzuan Othman , hal 7-8.

¹⁰³ Telah terjadi konflik yang hebat di antara kedua-dua kumpulan tersebut yang melibatkan berbagai-bagai perbincangan dan perdebatan. Akan tetapi pengaruh kaum muda kelihatan menurun bermula era 1930an. Lihat Op.cit , Mohd Sarim Mustajab , hal 151 & 155.

¹⁰⁴ Fred R. Von der Mehden (1993) , *Two Worlds of Islam : Interaction Between Southeast Asia and The Middle East* , University Press of Florida , hal 83-85.

¹⁰⁵ Ibid , hal 83.

Secara tidak langsung, pengajian Tafsir al-Qur'ān turut sama terkesan daripada perkembangan ini. Di antara tokoh reformis Timur Tengah yang meniup idea pemodenan dan pembaharuan di dalam bidang Tafsir al-Qur'ān ialah Muḥammad 'Abduh dan Muḥammad Rasyīd Riḍā.¹⁰⁶ Manakala tokoh Islam nusantara yang berpendidikan dari Timur Tengah pula ialah Dr. M. Quraish Shihab, Dato' Haji Muhammad Noor Ibrahim, Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat dan sebagainya.¹⁰⁷ Berdasarkan penelitian ini, isu pemodenan dan pembaharuan Tafsir al-Qur'ān sebenarnya bukanlah suatu perkara yang asing lagi di kalangan ahli agama dan akademik di Malaysia. Cuma penulis mendapati kajian terhadap isu ini masih lagi kurang dalam konteks alam Melayu khususnya Malaysia.¹⁰⁸

2.6.3 – Saranan pentafsiran semula al-Qur'ān oleh Tun Dr. Mahathir.

Bagi konteks Malaysia kontemporari pula, gagasan tersebut mulai popular sejak ianya dicetuskan beberapa kali oleh bekas Perdana Menteri Malaysia yang keempat Tun Dr. Mahathir Muhammad di dalam beberapa ucapannya seperti semasa di Majlis Pembukaan ISTAC di Jalan Damansara Kuala Lumpur pada 4 Oktober

¹⁰⁶Muhammad 'Abduh telah menyarankan muridnya Muḥammad Rasyīd Riḍā supaya melakukan usaha pentafsiran semula pada sesetengah ayat-ayat al-Qur'ān. Menurut Muḥammad Rasyīd Riḍā, bentuk pentafsiran moden perlu menyampaikan maksud sebenar penurunan al-Qur'ān yang bertugas sebagai pembimbing hidup manusia dan tidak perlu meleret-leret dengan berbagai-bagai tafsiran asing yang menutup maksud sebenar intisari al-Qur'ān. Lihat , Op.cit , Muḥammad Rasyīd Riḍā , hal 7 & 10. Selain itu penulisan kitab Tafsir al-Manār oleh Muḥammad Rasyīd Riḍā yang banyak mengutarakan bentuk-bentuk pentafsiran moden juga boleh membuktikan akan penekanan beliau terhadap isu tersebut.

¹⁰⁷ Perbincangan mengenai tokoh-tokoh nusantara akan disebut pada bab ketiga nanti.

¹⁰⁸ Secara khususnya , topik ini tidak banyak disentuh oleh para pengkaji sebelum ini. Penulis menyedari kekurangan ini semasa membuat penelitian terhadap kajian-kajian lepas di dalam isu ini.

1991,¹⁰⁹ di Seminar Antarabangsa al-Qur'ān kali ke 4 di Kuala Lumpur pada 2 Februari 1994,¹¹⁰ di Majlis Pembukaan Festival Kebudayaan Islam Antarabangsa di Pusat Islam pada 17 Jun 1994,¹¹¹ di Pusat Pengajian Islam di Oxford pada 16 April 1996¹¹² dan di Persidangan Serantau Menghadapi Abad 21 : Reformasi dan Cabaran Umat Islam Serantau di IKIM, Kuala Lumpur pada 22 Ogos 1997.¹¹³

Pandangan beliau itu telah mendapat reaksi daripada berbagai golongan yang menyokong¹¹⁴ dan menentang.¹¹⁵ Ada yang berpendapat saranan beliau itu terlalu terbuka , berani dan boleh membawa kepada beberapa perkara negatif seperti percubaan yang telah dibuat oleh Othman Ali ketika menghasilkan terjemahan al-Qur'ānya yang bertajuk Bacaan.¹¹⁶ Sebenarnya proses pentafsiran semula al-Qur'ān mengikut kesesuaian semasa perlu terlebih dahulu mengikut garis panduan yang telah ditunjukkan oleh para ulama' Tafsir al-Qur'ān. Kaedah-kaedah yang telah digariskan oleh para ulama Tafsir al-Qur'ān yang ikhlas serta berwibawa tidak boleh dikritik dengan sewenang-wenangnya tanpa hujah yang kukuh kerana mereka adalah pakar di

¹⁰⁹ Annual Bakri Haji Haron & Kamarul Zaman Haji Yusoff (2000) , *Mendekati Pemikiran Islam Dr Mahathir* , Kota Bharu : Pustaka Qamar , cet. pertama , hal 37 – 43.

¹¹⁰ Op.cit , Hashim Makaruddin , jil 2 , hal 162-163.

¹¹¹ Op.cit , Annual Bakri , hal 62-68.

¹¹² Op.cit , Hashim Makaruddin , jil 2 , hal 127 - 139.

¹¹³ Op.cit , Annual Bakri , hal 111-121.

¹¹⁴ Astora Jabat , Tafsiran al-Qur'ān dan Kehendak Islam , *Mingguan Malaysia* , 1 April 2001.

¹¹⁵ Op.cit , Annual Bakri , hal 7-8.

¹¹⁶ Penulis telah menghadapi kesukaran untuk mencari teks asal **Bacaan** yang telah diharamkan oleh pihak kerajaan. Untuk keterangan lanjut mengenai pengharaman buku tersebut , sila rujuk fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Selangor pada 19hb Oktober 1995 di laman web www.islam.gov.my/informasi/islam/fatwa_negeri/selangor.html#GOLONGAN%20ANTI-HADITH (19 Januari 2004). Walaubagaimanapun sebagai membuktikan kewujudan teks tersebut , penulis telah mengambil keseluruhan terjemahan **Bacaan** di laman web <http://www.e-bacaan.com/index.htm> (19 Januari 2004)

bidang terbabit. Bahkan di dalam bidang lain contohnya bidang perubatan, bukan semua orang layak untuk mengkritik seseorang doktor tanpa memiliki pengetahuan yang meluas di dalam bidang yang berkaitan.

Bagi membuktikan kepentingan menjaga kaedah tertentu di dalam menterjemah dan mentafsirkan al-Qur'an, penulis akan memberikan satu contoh kesilapan yang telah berlaku pada terjemahan yang dibuat oleh Othman Ali di dalam kitabnya yang bertajuk **Bacaan**. Tanpa berpandu kepada beberapa kriteria penting di dalam menterjemah dan mentafsirkan al-Qur'an terutama sekali pendekatan bahasa Arab, beliau telah menterjemahkan ayat ke 7 surah al-Duhā itu dengan makna :

وَوَجَدْكَ ضَالًاٌ فَهَدَى (٧)

*Ertinya : Tidakkah Dia mendapati kamu sesat , dan memberi kamu petujuk ?
(al-Duhā : 7)*

Perkataan **sesat** yang digunakan pada terjemahan ayat ini sebenarnya terlalu biadap dan tidak bertepatan dengan maksud sebenar kalam Allah. Maksud perkataan *dāllan* itu bukannya sesat tetapi tercari-cari akidah sebenar serta tersilap memahami hukum Allah yang sebenar, lalu Allah telah memandu baginda ke jalan yang lurus iaitu dengan menganugerahkan Islam kepada baginda s.a.w.¹¹⁷ Tambahan pula ayat itu telah ditafsirkan dengan ayat 51 surah al-Syurā :

وَكَذَلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ رُوحًا مِنْ أَمْرِنَا مَا كُنْتَ تَذَرِّي مَا الْكِتَابُ وَلَا الْإِيمَانُ وَلَكِنْ جَعَلْنَا نُورًا نَهْدِي بِهِ مَنْ نَشَاءُ مِنْ عِبَادِنَا وَإِنَّكَ لَتَهْدِي إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ (٥٢)

¹¹⁷ Dr. Wahbah al-Zuhayli (1991), *al-Tafsīr al-Munīr fī al-'Aqīdah wa al-Syārī'ah Wa al-Minhāj*, Bayrūt : Dār al- Fikr al-Mu'āṣir & Damsyiq : Dār al- Fikr , cet. Pertama , jil 30 , hal 282-283 & 286.

Ertinya : Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu wahyu (al-Qur'an) dengan perintah kami. Sebelumnya kamu tidaklah mengetahui apakah kitab (al-Qur'an) dan tidak pula mengetahui apakah iman , tetapi Kami menjadikan al-Qur'an itu cahaya yang Kami tunjuki dengan dia siapa yang Kami kehendaki di antara hamba-hamba Kami. (al-Syurā : 51)

Jikalau dirujuk kepada terjemahan al-Qur'an menurut bahasa Indonesia yang keluarkan oleh kerajaan Arab Saudi, perkataan *dāllan* telah diterjemahkan dengan makna bingung¹¹⁸ bukan sesat. Tindakan Othman Ali telah mendapat reaksi banyak pihak dan secara umumnya buku tersebut telah ditolak oleh kaum Muslimin di Malaysia.¹¹⁹ Keadaan ini berlaku kerana beliau tidak mengikuti saluran yang sebenar di dalam menterjemahkan al-Qur'an.

2.7- CONTOH PEMODENAN DI DALAM TAFSIR

Pada kajian ini, penulis akan lebih menumpukan kaitan ayat-ayat al-Qur'an dengan ilmu Sains moden sebagai suatu daya tarikan semasa. Pada hakikatnya ilmu sains mampu untuk mendekatkan hati manusia kepada pemahaman yang sebenar

¹¹⁸ Terjemahan tersebut berbunyi : *Dan Dia mendapatimu sebagai seorang yang bingung (kebingungan untuk mendapatkan kebenaran yang tidak biasa dicapai oleh akal , lalu Allah menurunkan wahyu kepada Muhammad s.a.w) lalu Dia memberikan petunjuk. Lihat Al-Qur'an dan Terjemahnya , Madinah : Mujamma' Khādim al-Haramayn al-Syarīfayn , hal 1070*

¹¹⁹ Pihak Bahagian Hal Ehwal Islam , Jabatan Perdana Menteri (sekarang dikenali sebagai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia atau JAKIM) telah menjelaskan beberapa kesilapan yang nyata di dalam terjemahan yang dihasilkan oleh Othman. Untuk keterangan lanjut sila lihat , Zulkarnain Zakaria , Bertindak Tanpa Fatwa Rasmi , *Utusan Malaysia* , 19 Julai 1995. Pihak pembangkang (PAS) juga mempunyai pendapat yang sama terhadap terjemahan ini. Lihat , Mazlan Ohkom , Othman Ali Boleh Dihukum Mati – Hadi , *Utusan Malaysia* , 19 Julai 1995.

tentang ayat-ayat al-Qur'ān. Bahkan kaitan di antara ilmu Sains moden dengan al-Qur'ān ternyata begitu rapat sekali malahan banyak teori-teori di dalam ilmu Sains moden disokong kuat oleh ayat-ayat al-Qur'ān. Menurut Dr. Maurice Bucaille, sesetengah ayat-ayat al-Qur'ān sukar untuk difahami tanpa bantuan ilmu Sains moden.¹²⁰ Beliau yang menjalankan kajian terhadap ayat-ayat al-Qur'ān merasa kagum dengan hubungan al-Qur'ān dengan ilmu-ilmu Sains moden walaupun kitab al-Qur'ān diturunkan lebih daripada 13 kurun dahulu.¹²¹ Ayat-ayat al-Qur'ān banyak mengandungi prinsip-prinsip pelbagai ilmu Sains moden seperti ilmu botani, zoologi, astronomi, fizik, kimia, geologi dan sebagainya.¹²²

Pada bahagian ini penulis akan cuba membawakan beberapa tafsiran ayat-ayat al-Qur'ān yang boleh ditafsirkan dengan perantara ilmu moden yang menambahkan lagi kebenaran al-Qur'ān. Di antaranya ialah :

2.7.1- Penyuburan kaedah berfikir Islam.

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَامًا وَقُعُودًا وَعَلَى جُنُوبِهِمْ وَيَنْفَكِرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ
وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَاطِلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ (١٩١)

Ertinya : Mereka itu adalah orang-orang yang mengingati Allah sambil berdiri dan duduk dan di atas belakang-belakang mereka , dan memikirkan kejadian langit dan bumi seraya berkata Tuhan

¹²⁰ Dr. Maurice Bucaille (1978) , *The Bible The Qur'an and Science* , North American Trust Publication , hal 121.

¹²¹ Ibid , hal 119.

¹²² Monika @ Munirah Abdul Razak (2000) , *Peranan Ilmu Sains Dalam Mengukuhkan Kebenaran al-Qur'an* , latihan ilmiah , Universiti Malaya , Kuala Lumpur , hal 62 – 101.

Berdasarkan penerangan al-Quran, kemampuan akal manusia cukup tinggi sehingga mampu mengatasi kemampuan makhluk-makhluk yang lain. Antara kemampuan akal manusia yang diterangkan oleh al-Quran terdiri daripada ;¹²⁶

- (i) Kemampuan melihat dan merenung sesuatu fenomena di dalam alam¹²⁷ serta mengaitkan hubungan antara sebab dengan akibat dan menyingkap pelbagai faktor lain yang menyebabkan akibat tersebut¹²⁸
- (ii) Kemampuan mentafsir dan menganalisa sesuatu fenomena yang ditanggap oleh pancaindera lain yang bersifat abstrak, lalu mengubahnya menjadi sesuatu yang praktikal untuk digunakan dan dikembangkan di dalam kehidupan.¹²⁹
- (iii) Kemampuan merakam maklumat yang dilalui oleh proses (i) dan (ii) serta mengingat semula apabila diperlukan untuk kegunaan menyelesaikan masalah.¹³⁰
- (iv) Kemampuan membuat andaian dan ramalan tentang apa yang bakal terjadi di masa hadapan. Hal ini kelihatan dengan penekanan yang diberikan oleh al-Quran terhadap subjek sejarah umat nabi-nabi terdahulu , untuk diambil iktibar oleh umat Islam bagi merangka perancangan masa hadapan dengan lebih baik dan terancang¹³¹

¹²⁶ Dr. Rahimin Affandi Abdul Rahim (2002) , *Memperkasakan budaya berfikir Islam : Satu analisa* dalam *Jurnal Afskar* , bil. 3 , hal 11-12.

¹²⁷ Al-Nisā' : 82 & Muhammad : 22-24.

¹²⁸ Al-Nahl : 78.

¹²⁹ Al-Baqarah : 164.

¹³⁰ Ali 'Imrān : 190-191.

¹³¹ Al-Syurā : 13.

- (v) Kemampuan tafakur untuk tujuan muhasabah diri, menambah pengetahuan dan meningkatkan tahap keimanan kepada Allah.¹³²

Pada masa yang sama, al-Qur'ān amat mengutuk keras beberapa aturan berfikir yang tidak sihat iaitu :

- (i) Berfikir tanpa penggunaan pertimbangan yang waras atau dikenali sebagai paradigma Taqlid.¹³³
- (ii) Berfikir secara pertimbangan yang singkat dan tergesa-gesa.¹³⁴
- (iii) Berfikir tanpa bantuan pakar atau berdasarkan maklumat yang tidak tepat serta tidak diselidiki dengan lebih lanjut.¹³⁵

Al-Qur'ān juga telah memperkenalkan beberapa bentuk atau pola-pola budaya berfikir Islam, iaitu :¹³⁶

- (i) Membiasakan berfikir secara autokritik menggantikan kaedah berfikir secara bentuk pemberian iaitu cara berfikir yang egois serta tidak mengakui kelemahan diri sendiri, suka berdolak dalih dan mengaitkan sesuatu kelemahan yang berlaku kepada orang lain, kerana pada anggapannya dirinya serba cukup dan sempurna.¹³⁷

¹³² Al-Dhāriyāt : 20-21.

¹³³ Al-Isrā' : 36.

¹³⁴ Al-Nūr : 15-17.

¹³⁵ Al-Hujurāt : 6.

¹³⁶ Op.cit , Dr. Rahimin Affandi , *Memperkasakan budaya berfikir Islam : Satu analisa* , hal 17-18.

¹³⁷ Al-Syurā : 30 , Al-Najm : 32 & Al-A'rāf : 22-23.

- (ii) Membiasakan berfikir secara menyeluruh menggantikan berfikir secara sebahagian.¹³⁸ Pemikiran secara menyeluruh ini merujuk kepada pengetahuan terhadap sesuatu secara mendalam dengan mengetahui ciri-ciri, perincian dan hubungannya diantara perincian tersebut.¹³⁹
- (iii) Membiasakan berfikir secara reformatif menggantikan berfikir secara jumud dan tradisional.¹⁴⁰
- (iv) Membiasakan berfikir secara ilmiah menggantikan berfikir secara prasangka¹⁴¹ dan mengikut hawa nafsu.
- (v) Membiasakan berfikir secara kolektif menggantikan berfikir secara bersendirian.¹⁴²
- (vi) Membiasakan berfikir sesuai dengan hukum alam menggantikan berfikir secara supra rasional dan tahuul.¹⁴³

2.7.2-Kisah semut dengan nabi Sulaymān :

حَتَّىٰ إِذَا أَتَوْا عَلَىٰ وَادِي النَّمْلِ قَالَتْ نَمْلَةٌ يَا أَيُّهَا النَّمْلُ ادْخُلُوا مَسَاكِنَكُمْ لَا يَخْطُمْنَكُمْ سُلَيْمَانٌ وَجَنُودُهُ وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ (١٨)

Apabila (rombongan tentera Sulaymān) sampai ke Lembah semut, berkatalah seekor semut : Wahai semut-semut sekalian masuklah

¹³⁸ Yūnus : 39.

¹³⁹ Ali ‘Imrān : 7.

¹⁴⁰ Al-Zukhruf : 23 dan al-Baqarah : 170.

¹⁴¹ Al-Isrā’ : 36 & al-Kahf : 15.

¹⁴² Al-Anfāl : 25.

¹⁴³ Al-Ahzāb : 38.

kamu ke dalam sarang kamu, janganlah sampai kamu dipijak oleh Sulaymān dan bala tenteranya sedang mereka tidak menyadarinya.
(al-Naml : 18)

Di dalam mentafsirkan ayat ini, kebanyakan ulama Tafsir al-Qur'ān menyatakan tentang kekuasaan Allah yang mengurniakan mukjizat untuk memahami bahasa semut kepada nabi Sulaymān. Ayat tersebut juga membuktikan kewujudan proses interaksi di antara koloni semut.¹⁴⁴ Akan tetapi cara atau bentuk komunikasi tersebut tidak dinyatakan dengan terperinci kerana keterbatasan ilmu di zaman mereka.

Kajian moden menunjukkan cara semut berinteraksi di antara satu sama lain begitu kompleks, iaitu dengan mengesan hormon-hormon yang dilepaskan oleh ketua koloninya. Setiap rangkaian bahan kimia dan hormon yang dilepaskan mengandungi beberapa arahan yang berbeza. Semua arahan tersebut diterima dan dilaksanakan oleh mereka tanpa ada bantahan sedikit pun. Bahkan perjalanan kehidupan mereka ini berjalan selari dengan aturan alam yang telah ditetapkan oleh Allah kepada mereka.¹⁴⁵ Boleh juga diandaikan bahawa mukjizat Sulaymān bukan hanya terhenti pada kemampuan memahami bahasa semut tetapi lebih jauh lagi, beliau berkemungkinan mampu mengesan kewujudan hormon-hormon atau bahan kimia tersebut dengan bantuan Allah.

¹⁴⁴ Interaksi tersebut datang dalam bentuk-bentuk tertentu yang tidak dapat difikirkan oleh akal manusia. Di antara cara interaksi haiwan adalah dengan penggunaan naluri semulajadi yang menggerakkan mereka untuk sesuatu urusan serta menyelamatkan diri daripada sesuatu bahaya. Lihat , Op.cit , Dr. Wahbah al-Zuhayli , Jil 19 , hal 279. Bahkan kematangan perkembangan naluri tersebut lebih maju di kalangan haiwan daripada manusia di awal kelahiran mereka. Lihat , Ibid , Jil 1 , hal 59.

¹⁴⁵ Harun Yahya (2000), *Miracle in Ant* , London : Ta-Ha Publishers Ltd , hal 30-31.

2.7.3 – Penaklukan angkasa lepas dan bumi

يَا مَعْشَرَ الْجِنِّ وَالإِنْسِ إِنْ أَسْتَطَعْتُمْ أَنْ تَنْفُذُوا مِنْ أَقْطَارِ السَّمَاوَاتِ
وَالْأَرْضِ فَانْفُذُوا لَا تَنْفُذُونَ إِلَّا بِسُلْطَانٍ (٣٣)

Ertinya : Wahai kumpulan jin dan juga manusia, sekiranya kamu mampu untuk menembusi penjuru langit dan bumi maka tembusilah, kamu tidak akan dapat menembusinya kecuali dengan kekuatan.
(al-Rahmān : 33)

Menurut Imam Ibn Kathīr, ayat tersebut membawa maksud bahawa semua makhluk (manusia dan jin) tidak akan dapat melarikan diri daripada ketetapan dan hukum Allah bahkan mereka semua tertakluk secara penuh di bawah genggaman Allah tanpa ada sedikit pengecualian pun. Perkara ini merujuk kepada peristiwa di hari kebangkitan kelak, yang mana semua makhluk akan dikawal rapi oleh para malaikatNya dan tidak akan ada yang dapat melarikan diri daripada pembalasan Allah.¹⁴⁶

Perkataan “ *in* ” (ان) yang merujuk kepada makna *sekiranya* memberi gambaran kepada sesuatu perkara yang boleh dicapai berdasarkan kepada beberapa usaha.¹⁴⁷ Ayat ini secara jelas telah menunjukkan kemungkinan penaklukan angkasa lepas oleh manusia pada suatu hari nanti. Walaubagaimanapun penaklukan itu tidak mungkin tercapai tanpa bantuan kekuatan teknologi. Perkara tersebut ternyata telah dibuktikan apabila manusia berjaya mencipta roket, pesawat dan alat gerudi yang

¹⁴⁶ Ibn Kathīr (1969) , *Tafsīr al-Qur'ān al-'Aẓīm* , Bayrūt : Dār al-Ma'rīfah , Jil 4 , hal 266.

¹⁴⁷ Op.cit , Dr. Maurice Bucaille , hal 168.

mempunyai kekuatan atau “ *sultān* ” untuk menembusi ketebalan ruang atmosfera langit dan kekerasan kerak bumi.

2.7.4 – Altitud atau ketinggian ¹⁴⁸

فَمَنْ يُرِدُ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَ يَسْرَحُ صَنْدَرَةً لِلإِسْلَامِ وَمَنْ يُرِدُ أَنْ يُضْلِلَ يَجْعَلُ
صَنْدَرَةً ضَيْقًا حَرَاجًا كَأَنَّمَا يَصْنَعُ فِي السَّمَاءِ كَذَلِكَ يَجْعَلُ اللَّهُ الرَّجْسَ عَلَى
الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ (١٢٥)

Ertinya : Barangsiapa yang Allah menghendaki kepadanya petunjuk, nescaya Dia melapangkan dadanya untuk (memeluk agama) Islam. Dan barangsiapa yang dikehendaki Allah kesesatannya, nescaya Allah menjadikan dadanya sesak lagi sempit, seolah-olah dia mendaki ke langit. Begitulah Allah menimpakan siksaan kepada orang-orang yang tidak beriman.

(*al-An'ām* : 125)

Dari segi saintifik, ayat ini menerangkan kesan altitud atau ketinggian kepada pernafasan manusia. Apabila berada di suatu tahap ketinggian yang tertentu, kita akan menghadapi masalah pernafasan kerana kekurangan oksigen di tempat tersebut. Bahkan menurut penelitian ilmu tajwid, ayat tersebut telah disusun dengan menggunakan beberapa huruf-huruf yang tebal sebutannya ditambah pula dengan beberapa tasydid yang memerlukan nafas yang tinggi.¹⁴⁹ Apabila seseorang membaca ayat tersebut dengan sebutan tajwid yang sempurna akan turut sama merasakan kesempitan dadanya seperti mendaki ke langit atau tempat yang tinggi.

¹⁴⁸ *Ibid* , hal 182.

¹⁴⁹ Huruf-huruf tersebut terdiri daripada huruf *isti'lā'* dan *iṭbāq*. Dari segi perbincangan sifat huruf, kesemua huruf-huruf di dalam kumpulan tersebut memerlukan nafas , gerakan lidah dan gerakan mulut yang kuat bagi memastikan ketebalannya.

2.7.5 –Kewujudan mayat Fir'awn yang memusuhi nabi Musa a.s.

فَالْيَوْمَ نُنَجِّيكَ بِبَذِكْرِ لِكُونِ لِمَنْ خَلَقَ آتِيًّا وَإِنَّ كَثِيرًا مِنَ النَّاسِ عَنِ الْآيَاتِ
لَغَافِلُونَ (٩٢)

Ertinya : Maka pada hari ini Kami selamatkan badan kamu
(Fir'awn daripada rosak) supaya ianya menjadi pengajaran kepada orang-orang yang datang selepas kamu.

(Yūnus : 92)

Ayat tersebut menceritakan tentang kewujudan serta kekekalan mayat Fir'awn yang terbunuh di dalam kisah nabi Musa a.s. Allah telah menjanjikan ketahanan mayat tersebut daripada mengalami kerosakan seperti lazimnya berlaku kepada mana-mana mayat sebagai suatu pengajaran kepada umat manusia pada zaman akan datang.

Fir'awn yang dimaksudkan oleh ayat tersebut ialah Fir'awn yang bernama Merneptah yang masih ada disimpan di Muzium Mesir. Pengkaji seperti Dr Maurice Bucaille yang menjalankan rawatan terhadap mayat tersebut telah mendapati sebab kematiannya sama ada kerana lemas ataupun kejutan yang amat dahsyat ketika mengalami kelemasan.¹⁵⁰ Fakta ini secara jelas telah membuktikan kebenaran ayat tersebut.

Secara signifikannya ayat ini menjelaskan kewujudan teknologi awet yang boleh menjamin ketahanan sesuatu barang. Sebenarnya kewujudan dan segala usaha

¹⁵⁰ Op.cit , Dr. Maurice Bucaille , hal 240-241.

untuk mengekalkan mayat tersebut¹⁵¹ merupakan suatu tanda kekuasaan Allah yang mahu menunjukkan akibat yang akan menimpa musuh-musuhNya. Dengan penjagaan sedemikian, mayat tersebut akan terus disaksikan dan diinsafi oleh semua manusia sepanjang zaman.

2.7.6-Celupan atau acuan Allah

صِبْغَةُ اللَّهِ وَمَنْ أَحْسَنَ مِنَ اللَّهِ صِبْغَةً وَتَحْنَ لَهُ عَابِدُونَ (١٣٨)

Ertiya : Celupan Allah, siapakah yang lebih baik celupannya daripada Allah, dan kami menyembah kepadanya.

(al-Baqarah : 138)

Celupan atau *sibghah* (صِبْغَة) itu membawa maksud agama Allah yang mengandungi segala aturan hidup manusia sebagaimana yang telah dikehendaki oleh Tuhan untuk kesejahteraan manusia. Selain daripada tafsiran tersebut, Ibn Kathir juga membawa satu tafsiran lain yang memberi makna celupan itu sebagai segala warna yang ada di alam.¹⁵² Kewujudan semua warna dan penciptaan yang terdapat di alam ini menggambarkan kesempurnaan Allah sebagai pelukis alam yang senantiasa melahirkan hasil karya yang berbeza-beza.¹⁵³

¹⁵¹ Mayat tersebut telah ditemui pada tahun 1898 dan telah dirawat secara teliti pada tahun 1975 untuk mengekalkan kewujudannya. Di antara pakar yang terlibat di dalam usaha perawatan itu ialah Dr Maurice Bucaille sendiri. Lihat , *Ibid.*

¹⁵² Op.cit , Ibn Kathir , jil 1 , hal 201.

¹⁵³ Di dalam mengulas mengenai kehebatan Allah sebagai pelukis alam yang maha sempurna , Harun Yahya telah menghasilkan satu buku yang bertajuk **Allah's Artistry in Colour**.

Segala penciptaanNya yang melibatkan warna, bau dan sebagainya telah menjadi penghibur serta sumber rawatan alternatif kepada manusia. Sudah menjadi tabiat semula jadi manusia menyintai warna-warna yang indah serta bau-bauan yang mempersonakan. Ilmu sains moden telah menemui kaedah perubatan yang berorientasikan bau-bauan yang dinamakan kaedah aromaterapi.¹⁵⁴ Juga rawatan yang berdasarkan warna.¹⁵⁵ Bahkan warna-warna yang cantik serta bauan yang mengharumkan dapat menjadikan manusia lebih tenang dan tenteram. Bayangkan apa yang akan terjadi sekiranya dunia yang kita diami ini tidak mempunyai warna dan bau-bauan.

2.7- KESIMPULAN

Berdasarkan kepada penelitian yang telah dibuat terhadap isu pemodenan dan pembaharuan di dalam pengajian Tafsir al-Qur'ān, penulis mendapati potensi untuk mengembangkan pentafsiran ayat-ayat al-Qur'ān dengan berbagai-bagai pentafsiran baru ternyata amat besar dan luas. Perkara ini tambah ketara apabila dikaitkan dengan berbagai-bagai penemuan ilmu Sains moden. Selain itu, ia juga telah membuktikan kebenaran al-Qur'ān yang senantiasa berinteraksi dengan perkembangan zaman.

¹⁵⁴ Rawatan Aromaterapi adalah suatu bentuk rawatan yang menggunakan unsur-unsur bau yang terdapat pada tumbuh-tumbuhan semulajadi. Ekstrak bau dari tumbuh-tumbuhan dimasukkan ke dalam bahan mandian dan komestik untuk mengurangkan ketegangan serta menimbulkan kesegaran pemakainya. Lihat , Pelbagai rawatan Alternatif , *Utusan Malaysia* , 15 Julai 2002.

¹⁵⁵ Konsep rawatan gelombang warna telah dipopularkan di Malaysia oleh seorang tokoh fizik iaitu Dr Norhisham Wahab. Lihat , *Ibid* . Produk tersebut telah dipasarkan oleh Syarikat Colour Vibration Therapy Sdn Bhd Malaysia (457322-V). Lihat juga <http://www.harmonisers.net> (19 Januari 2004)

Benarlah firman Allah yang mengisyaratkan bahawa ilmuNya amat luas dan tidak mampu untuk diterokai oleh kemampuan akal manusia yang terbatas.¹⁵⁶

Di antara keajaiban al-Qur'ān yang paling ketara ialah, bentuk pentafsirannya dapat dipelbagaikan dengan berbagai-bagai ilmu pengetahuan serta zaman yang berbeza. Bahkan kesemua penerokaan yang bakal membawaikan berbagai-bagai penemuan yang baru ini hanya dengan merujuk kepada satu teks berbahasa Arab yang telah diturunkan kira-kira 1400 tahun dahulu. Sekiranya teks tersebut merupakan ciptaan manusia yang bernama Muḥammad, mustahil untuk beliau menggariskan pelbagai prinsip saintifik yang hanya dapat dikukuhkan kebenarannya oleh umat manusia yang datang kemudian.¹⁵⁷ Tidak lain tidak bukan, teks al-Qur'ān itu merupakan wahyu dari Allah Yang Maha Kuasa dan tidak terikat kepada batasan masa dan zaman.

Apa yang paling penting di dalam usaha untuk membuktikan kebenaran dan keunggulan al-Qur'ān ialah dengan mengusahakan sesuatu cara yang boleh menyesuaikan al-Qur'ān dengan perkembangan semasa. Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, istilah yang terbaik untuk merujuk kepada isu tersebut ialah dengan melakukan Tajdid atau pembaharuan di dalamnya. Oleh itu, di dalam kajian ini (secara khususnya pada bab keempat) penulis akan mengutarakan suatu gagasan yang boleh menjadi platform yang dikira paling berkesan ke arah usaha-usaha tersebut, iaitu dengan menubuhkan sebuah pengkalan data Tafsir al-Qur'ān yang

¹⁵⁶ Rujuk Surah al-Kahf : 109 & Surah Luqmān : 27.

¹⁵⁷ Ziauddin Sharuddin , Saintis Kanada Kagum Penemuan Sains Embrio Dalam Al-Qur'ān , Berita Minggu , 18 Mei 2003.

universal. Gagasan tersebut merupakan kemuncak utama yang telah penulis temui semasa menjalankan kajian di dalam topik terbabit.

Pembinaan pengkalan data tersebut akan menyediakan suatu cara atau kaedah yang baru untuk memudahkan semua manusia tanpa mengira agama, bangsa, umur dan negara untuk mengenali al-Qur'ān secara praktikal dan mendalam. Dengan penggunaan yang maksimum terhadap segala kemudahan tersebut agama Islam yang berasaskan pengajian Tafsir al-Qur'ān akan terus maju bersama dengan perubahan zaman.